

## TING 4

### BAB 6: ANCAMAN KOMUNIS DAN PENGISYTIHARAAN DARURAT

1. Tandakan yang betul tentang komunis?

- a) Komunisme ialah ideologi yang diasaskan oleh Karl Marx dan Friedrich Engels. ☐
- b) Mereka menulis karya Communist Manifesto dan Das Kapital . ☐
- c) Perkataan komunis membawa maksud orang yang menganut ajaran komunis. ☐
- d) Komunisme ialah suatu fahaman politik yang menjadikan ekonomi dan barang pengguna sebagai milik negara. ☐
- e) Dua buah negara yang terlibat dalam penyebaran fahaman komunis, iaitu China dan Filipina. ☐

2. Isi tempat kosong tersebut dengan jawapan yang betul tentang tindakan komunis di Tanah Melayu.

Keselamatan rakyat

Keselamatan

Infrastruktur

Ekonomi

a) Komunis merosakkan

b) Komunis mengancam

c) Komunis mengancam pasukan

d) Komunis melumpuhkan

3. Pilih usaha menangani ancaman komunis yang paling tepat.

Tulis jawapan a , b, c, d

|   |                                           |
|---|-------------------------------------------|
| a | Tawaran pengampunan                       |
| b | Rancangan Briggs                          |
| c | Pendaftaran Kebangsaan dan Kad pengenalan |
| d | Penguatkuasaan Undang-Undang Darurat      |

1) mengenakan hukuman berat kepada sesiapa sahaja yang membantu komunis.

2) memperkenalkan sistem pendaftaran kebangsaan dan penggunaan kad pengenalan pada 23 Julai 1948 bagi mengawal pergerakan penduduk.

3) memutuskan hubungan PKM dengan Min Yuen yang membekalkan makanan, senjata, maklumat dan ubat-ubatan kepada PKM.

4) Setiap hari Radio Malaya menyiarkan syarat tawaran pengampunan dan poster juga ditampal di merata-rata tempat.

|   |                                      |
|---|--------------------------------------|
| e | Perintah berkurung                   |
| f | Perang Saraf                         |
| g | Rundingan Baling                     |
| h | Kempen Bulan Rakyat Melawan Penjahat |
| i | Pemeriksaan Pasukan Keselamatan      |

- 5) Memburu komunis, membuat rondaan di pinggir hutan, membawa bekalan makanan kepada pasukan bertugas di dalam hutan.

- 6) Majlis Perundangan Persekutuan mengisytiharkan kempen "Bulan Rakyat Melawan Penjahat". Penduduk berbilang kaum diseru supaya mendaftarkan diri secara sukarela dengan pihak berkuasa.

- 7) Melarang penduduk keluar dari rumah dalam tempoh tertentu.

- 8) Tunku Abdul Rahman mengadakan pertermuan dengan pemimpin PKM di Sekolah Inggeris, Baling, Kedah pada 28 Disember 1955.

- 9) rancangan yang dilaksanakan oleh British untuk menghapuskan komunis melalui usaha memenangi hati dan fikiran rakyat.